



YOUNG SOCIALPRENEUR COMPETITION 2017

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Politeknik, Jabatan Kolej Komuniti dan PKT Logistic Sdn. Bhd. akan menganjurkan **Young SocialPreneur Programme (YS2P) 2017** peringkat Kebangsaan. Fokus utama pertandingan ini adalah untuk membentuk budaya keusahawanan sosial di kalangan pelajar dan mendidik pelajar tentang tanggungjawab sosial korporat (CSR).

YS2P 2017 merupakan satu pertandingan yang berkonsepkan keusahawanan sosial di mana pelajar perlu melaksanakan program yang mempunyai kesan positif dan impak berterusan kepada masyarakat, selain daripada menyalurkan dana keuntungan yang diperolehi kepada badan-badan kebajikan yang terpilih.

Pertandingan yang julung kali diadakan ini terbuka kepada semua pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia dan bakal diiktiraf sebagai “*Most Number of Participants in Young Entrepreneurship Competition*” di dalam *Malaysian Book of Records* (MBR).

Pertandingan usahawan **Young SocialPreneur 2017** melibatkan **Empat (4) fasa**.

FASA 1	Pendaftaran Peserta
FASA 2	Boot Camp Perhimpunan Usahawan Muda Paling Ramai bagi tujuan Persijilan <i>Malaysian Book of Records</i> (MBR) Sesi Temuduga
FASA 3	Penyerahan <i>modal</i> kepada <i>Finalist</i> & pelaksanaan YS2P bermula
FASA 4	<i>Socialpreneur Convention</i>

FASA 1

23 MAC HINGGA 22 JUN 2017

SYARAT & KRITERIA

- Terbuka kepada semua pelajar POLITEKNIK dan KOLEJ KOMUNITI
- Setiap kumpulan MESTI terdiri dari DUA PULUH (20) orang pelajar dan salah seorang dilantik sebagai CEO kumpulan
- Setiap kumpulan MESTI dibimbing oleh DUA (2) orang MENTOR yang terdiri daripada DUA (2) orang pensyarah institusi berkaitan
- MENTOR perlu mendaftarkan peserta secara *online* di <http://ys2p.polisas.edu.my>
- MENTOR perlu mengenalpasti hanya SATU Badan Kebajikan (berdaftar secara sah) / Pertubuhan / Komuniti
- Setiap kumpulan perlu merancang SATU (1) *CHARITY PROGRAM* yang mampu memberi **IMPAK** yang berterusan
- Setiap kumpulan perlu menghantar secara *online* **Young Socialpreneur Charity Plan** mengikut format yang ditetapkan

- Borang penyertaan yang telah dicetak dan disahkan oleh pengarah perlu diemel kepada urusetia_ys2p@polisas.edu.my
- Sesi saringan dengan kumpulan peserta akan diadakan (selepas tarikh tutup pendaftaran) mengikut keperluan panel bagi memilih **50 kumpulan terbaik**.
- Sekiranya ahli kumpulan tidak hadir pada sesi **Boot Camp** dan perhimpunan **MALYSIAN BOOK OF RECORDS (MBR)**, secara automatik kumpulan tersebut akan digugurkan daripada Pertandingan **Young SocialPreneur 2017**

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN: 22 JUN 2017

FASA 2

17 JULAI – 18 JULAI 2017

- **LIMA PULUH (50)** Kumpulan TERBAIK yang dipilih WAJIB menyertai **Boot Camp** dan perhimpunan **MALYSIAN BOOK OF RECORDS (MBR)**:
 - **Tarikh:** 17 – 18 Julai 2017 (*tertakluk kepada perubahan tarikh*)
 - **Tempat:** Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)

YURAN

- Yuran penyertaan sebanyak **RM 300** adalah **WAJIB** dikenakan kepada **SETIAP** 50 kumpulan yang terpilih
- Setiap peserta dalam kumpulan akan mendapat sijil penyertaan
- Sekiranya institusi berminat untuk mendapatkan Sijil *Malaysia Book of Records* (MBR), bayaran **TAMBAHAN RM 900** akan dikenakan
- Semua pembayaran hendaklah melalui akaun Koperasi POLISAS Berhad, No Akaun: 556169000438 (Maybank)

BOOT CAMP & PERHIMPUNAN MALYSIA BOOK OF RECORDS (MBR):

- Saringan dijalankan semasa *Boot Camp* pada 17 Julai 2017
- 20 kumpulan yang disenaraipendek akan diumumkan pada 18 Julai 2017 (semasa perhimpunan MBR)
- Setiap kumpulan yang terpilih perlu menyediakan *Slide Presentation* bagi satu sesi **TEMUDUGA** pada tarikh tersebut:
 - 5 minit persediaan temuduga
 - 15 minit pembentangan di hadapan Panel
 - 15 minit soal-jawab
- **SEPULUH (10) FINALIST** akan dipilih berdasarkan temuduga
- **Modal** sebanyak **RM 1000** akan dihadiahkan kepada setiap sepuluh (10) kumpulan yang terpilih (*Finalist*)

- Sepuluh (10) *Finalist* memulakan projek
- Hantar perkara berikut *secara online dengan log masuk ke sistem pendaftaran di <http://ys2p.polisas.edu.my>* sebelum **30 September 2017**:

Laporan Akhir Projek
Penyata Akaun

Muat turun Bukti Bayaran (*sila deposit untung bersih ke dalam akaun Koperasi POLISAS Berhad, No. Akaun: 556169000438 - Maybank*)

Kriteria Pemarkahan:

1. Amaun yang dijana (30%)
***Setiap kumpulan perlu mengambilkira semua perbelanjaan*
 2. Amaun yang disumbangkan (50%)
 3. Pelaksanaan projek (20%)
-

Socialpreneur Convention akan diadakan bagi tujuan meraikan semua peserta pertandingan. Di majlis ini juga setiap kumpulan peserta akan menyerahkan ***Mock Cheque*** keuntungan kepada Badan Kebajikan terlibat.

- **Yuran Kehadiran** ke *Socialpreneur Convention*:

RM 100 setiap seorang ahli kumpulan

RM 100 bagi setiap seorang Ahli Badan Kebajikan (setiap kumpulan diwajibkan menjemput SATU(1) Ahli Badan Kebajikan berkaitan)

RM100 setiap seorang bagi jemputan tambahan

Semua bayaran hendaklah kepada Koperasi POLISAS Berhad, No. akaun: 556169000438 (Maybank)

(Pengesahan kehadiran perlu diemail ke urusetia_ys2p@polisas.edu.my)

ANUGERAH *YOUNG SOCIALPRENEUR* PERINGKAT KEBANGSAAN

- Anugerah Emas
- Anugerah Perak
- Anugerah Gangsa
- Anugerah Mentor Terbaik (Trofi & Sijil)
- Anugerah CEO Terbaik (Trofi & Sijil)
- Anugerah Khas